

## Pola Isu, Persepsi, Serta Pengalaman Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling dalam Kalangan Pelajar Pintar dan Berbakat

(Pattern of Issues, Perceptions, and Experiences toward Guidance and Counseling Services among Gifted and Talented Students)

ABU YAZID ABU BAKAR\*

### ABSTRAK

*Penyelidikan ini dijalankan bagi mengkaji pola isu, persepsi, serta pengalaman pelajar pintar dan berbakat tempatan terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dalam persekitaran sekolah. Sampel kajian terdiri daripada 30 orang pelajar kohot pertama dan kohot kedua di sebuah sekolah 'makmal' yang menyediakan program pendidikan khusus untuk populasi pelajar pintar dan berbakat. Kajian penerokaan kualitatif ini menggabungkan temu bual kumpulan fokus dan temu bual mendalam sebagai kaedah pengumpulan data. Data yang diperolehi dilakukan analisis tema menggunakan perisian NVivo versi 8.0, bagi mendalami pola isu, persepsi, serta pengalaman responden kajian secara terperinci. Dapatan utama penyelidikan ini menunjukkan bahawa pola isu pelajar pintar dan berbakat tempatan lazimnya berkisar kepada dimensi-dimensi kerjaya, akademik, dan psikososial. Realiti ini mendorong kepada kecenderungan peserta kajian untuk mendapatkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dalam dimensi-dimensi berkenaan. Dapatan turut menunjukkan indikasi bahawa persepsi dan pengalaman peserta kajian terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah umumnya terbina oleh gabungan reaksi positif dan negatif. Perolehan dapatan keseluruhan penyelidikan menyediakan maklumat komprehensif yang boleh dijadikan asas kepada penyediaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah yang 'terbeza' untuk populasi pelajar pintar dan berbakat tempatan.*

*Kata kunci: Bimbingan dan kaunseling; pelajar pintar dan berbakat; pendidikan; kajian kualitatif; Malaysia*

### ABSTRACT

*This research was designed to examine the issues, perceptions, and experiences toward school guidance and counselling services among local gifted and talented students. This qualitative exploratory research was conducted on 30 students from the first and second cohorts of a particular 'laboratory' school which offers gifted and talented education program. The data – which was gathered from focus group and in-depth interview sessions – was thematically analysed using the Nvivo software, version 8.0 in order to deeply explore variables under study. The main finding shows that common issues shared among the participants were evolved around career, academics, and psychosocial dimensions. Hence, guidance and counseling services were often sought to help them coping with these issues. Moreover, the participants were found to have mixed – positive and negative – perceptions and experiences toward guidance and counseling provision at school. Overall, findings of this research provide useful baseline information to guide the development of differentiated school guidance and counselling services for the local population of gifted and talented students.*

*Keywords: Guidance and counselling; gifted and talented students; education; qualitative research; Malaysia*

### PENGENALAN

Secara umum, kepelbagaian pelajar digambarkan oleh perbezaan mereka dalam pelbagai aspek termasuk personaliti, gaya dan keperluan pembelajaran, serta pengetahuan dan keupayaan kognitif, yang disebabkan oleh perbezaan kepelbagaian faktor sosial dan latar belakang keluarga seperti jantina, etnik dan budaya, status sosioekonomi, serta tahap keupayaan untuk belajar (Lopez 2007; Jonassen & Grabowski 1993; Lambert 1993). Kepelbagaian pelajar juga dianggap sebagai satu himpunan populasi pelajar yang terdiri daripada kelompok-kelompok yang dibezakan oleh tahap kebolehan

pembelajaran, merangkumi golongan yang mempunyai satu atau beberapa masalah pembelajaran, golongan biasa, termasuklah kelompok pelajar yang dianggap pintar dan berbakat (Asselin & Mooney 1996). Dalam konteks pedagogi pendidikan, Smith, Ewing & Le Cornu (2007) menyatakan bahawa aspek kepelbagaian pelajar ini perlu diberi perhatian dalam proses merangka strategi serta alternatif pengajaran dan pembelajaran berkesan terutama bagi kelompok pelajar dengan aptitud rendah serta golongan pelajar berkeperluan khas termasuk yang pintar dan berbakat. Oleh kerana hala tuju pendidikan tempatan masa hadapan yang digariskan dalam PPPM 2013-2025 menekankan kepentingan penyediaan keperluan

pendidikan kepada golongan pelajar yang pelbagai ini dengan fokus utama diuruskan kepada populasi pelajar berkeperluan khas, pelajar peribumi dan minoriti, serta pelajar pintar dan berbakat, maka bentuk sistem sokongan yang perlu disediakan (sebagai contoh, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang disediakan di sekolah) juga harus mengambil kira aspek kepelbagaian ini.

Walau bagaimanapun, persoalan yang wajar dipertimbangkan adalah, sejauh manakah perkhidmatan kaunseling yang disediakan dalam sistem pendidikan kebangsaan mampu memenuhi keperluan populasi pelajar yang berbeza-beza? Kepelbagaian yang wujud dalam kalangan pelajar (daripada mereka yang mempunyai masalah pembelajaran, kepada pelajar yang pintar dan berbakat) memerlukan kaunselor membezakan perkhidmatan yang diberikan. Pelajar bermasalah pembelajaran contohnya, merupakan golongan yang dianggap mempunyai peratusan yang tinggi untuk gagal dalam sistem persekolahan (Noriah et al. 2010). Justeru, perkhidmatan kaunseling yang diberikan harus juga memberi tumpuan kepada isu memotivasikan mereka untuk terus berusaha belajar selain dari memberikan mereka kemahiran belajar yang berkesan.

Pelajar pintar dan berbakat pula merupakan salah satu kelompok dalam entiti kepelbagaian pelajar yang bukan sahaja memiliki keunikan personaliti sendiri malahan juga mempunyai keperluan pembelajaran yang tersendiri dan berbeza berbanding golongan pelajar berkeperluan khas atau pelajar yang dianggap normal. Pelbagai hasil penyelidikan dalam bidang pintar dan berbakat (Colangelo 2002, 2003; Ryan 2001, 1999; Mahoney 1997) mendapati bahawa golongan pelajar ini mempunyai keperluan perkhidmatan kaunseling yang berbeza termasuk memerlukan perkhidmatan kaunseling kerjaya pada usia yang jauh lebih muda berbanding dengan pelajar yang dianggap normal. Mereka juga mempunyai isu-isu psikologikal yang unik seperti isu perkembangan emosi yang tidak selari dengan usia mereka, isu *perfectionism*, dan isu tingkah laku anti-sosial (Noriah & Abu Yazid 2010a). Walaupun perkhidmatan kaunseling tidak boleh dinafikan sebagai satu sistem sokongan penting bagi sesuatu program pendidikan pintar dan berbakat (VanTassel-Baska 2013, 2005), namun, hakikatnya, kajian-kajian ilmiah yang berpaksi kepada pelaksanaan perkhidmatan ini untuk populasi pelajar pintar dan berbakat amat terbatas serta jarang sekali dilakukan (Moon et al. 1997; Shore et al. 1991; Kerr 1991; Myers & Pace 1986). Natijahnya, populasi pelajar pintar dan berbakat memerlukan bentuk perkhidmatan kaunseling yang berbeza dan khusus disebabkan keunikan personaliti dan isu-isu yang lazim dihadapi mereka (Morawska & Sanders 2009; Peterson 2006; Ryan 2001, 1999; Sajjadi 2000; Zaffrann & Colangelo 1977).

Dalam konteks tempatan, oleh kerana pendidikan pintar dan berbakat belum benar-benar diiktiraf sebagai salah satu aliran perdana dalam sistem pendidikan kebangsaan, maka kajian-kajian berkaitan pelaksanaan

perkhidmatan kaunseling di sekolah untuk populasi pelajar ini adalah sangat terhad. Walau bagaimanapun, wujud data asas yang menunjukkan bahawa kewujudan satu bentuk perkhidmatan kaunseling khusus bagi memenuhi keperluan para pelajar ini dalam persekitaran sekolah adalah sangat relevan (Noriah & Abu Yazid 2010a, 2010b; Noriah et al. 2010; Noormala et al. 2005). Menyedari bahawa perkhidmatan kaunseling yang tersedia dalam sistem pendidikan tempatan hanya mensasarkan kelompok umum pelajar tanpa memberi perhatian berat kepada aspek kepelbagaian, maka kajian ini dirancang untuk meneliti corak perkhidmatan kaunseling yang terbaik untuk dipraktikkan dalam sesuatu program pendidikan yang melibatkan populasi pelajar pintar dan berbakat di Malaysia. Penyelidikan ini juga dicetuskan oleh kefahaman bahawa pendidikan pintar dan berbakat walau pun bukan sesuatu yang baru diberi perhatian di Malaysia, namun kini ia merupakan anjakan baru dalam sistem pendidikan negara. Justeru, prasarana sokongan (seperti perkhidmatan kaunseling) kepada dimensi baru pendidikan ini perlu turut dibangunkan agar ianya tersedia apabila diperlukan kelak. Tiga objektif utama yang mendasari penyelidikan bersifat penerokaan kualitatif ini adalah:

1. Mengkaji pola isu-isu yang dihadapi pelajar pintar dan berbakat dalam persekitaran sekolah.
2. Mengkaji pengalaman menyeluruh pelajar pintar dan berbakat terhadap perkhidmatan kaunseling di sekolah.
3. Mengkaji persepsi menyeluruh pelajar pintar dan berbakat terhadap perkhidmatan kaunseling di sekolah.

#### METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kes penerokaan – dalam satu projek penyelidikan mengguna pakai reka bentuk gabungan/campuran – yang dijalankan bertujuan untuk meneroka secara mendalam tentang fenomena pelaksanaan perkhidmatan kaunseling di sekolah menurut perspektif pelajar pintar dan berbakat. Reka bentuk spesifik yang digunakan adalah kajian penerokaan pelbagai kes-setempat bagi membolehkan penyelidik memahami permasalahan atau isu yang kompleks dalam konteks yang agak luas secara lebih mendalam (Noriah et al. 2010; Creswell 2005; Yin 2003; Wiersma 2000). Data dikumpul melalui pelaksanaan sesi-sesi temu bual kumpulan fokus dan temu bual mendalam menggunakan satu set protokol temu bual berstruktur sebagai instrumen kajian.

Sampel kajian terdiri daripada 30 orang pelajar pintar dan berbakat daripada kohort pertama dan kedua dari sebuah institusi pendidikan tempatan yang menawarkan program pendidikan khusus untuk populasi pelajar berkenaan. Sejumlah 24 orang telah dipilih secara rawakan sistematik untuk dijadikan responden temu bual kumpulan fokus, di mana lapan orang pelajar membentuk keahlian setiap kumpulan fokus (dengan tiga latar belakang persekitaran

sekolah terdahulu yang berbeza) yang telah dibentuk. Baki seramai enam orang lagi memberi maklum balas selaku responden temu bual mendalam, di mana setiap kumpulan fokus dengan latar belakang berbeza diwakili oleh dua orang responden dalam sesi temu bual mendalam ini.

Data yang diperolehi daripada sesi-sesi temu bual ini dilakukan analisis tema secara terperinci menggunakan perisian NVivo versi 8.0 bagi mengelompokkan tema-tema pembolehubah kajian yang digunakan untuk menjawab persoalan-persoalan yang telah dibina berpaksikan tiga objektif utama penyelidikan.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

KEPELBAGAIAN ISU PELAJAR PINTAR

Objektif pertama kajian adalah untuk meneroka kepelbagaian isu yang dihadapi pelajar pintar dan berbakat serta selesa dibincangkan mereka dengan kaunselor di sekolah. Secara umum, responden kajian menunjukkan kecenderungan untuk bersikap selektif dalam pemilihan isu-isu untuk dikongsi dengan kaunselor sekolah.


Data daripada maklum balas sesi-sesi temu bual kumpulan fokus dan temu bual mendalam menunjukkan keselesaan responden untuk berkongsi isu-isu dalam dua domain utama iaitu kerjaya dan akademik. Senario ini diperlihatkan dengan jelas melalui contoh petikan-petikan daripada transkripsi kedua-dua temu bual seperti berikut:

1. ...saya boleh berkongsi dengan kaunselor berkaitan urusan-urusan akademik, kerjaya dan fasal *environment* sekolah ke, tapi rasanya bukan isu-isu peribadilah kot...(KF-SMK5).
2. ...yang selalu saya bincang dengan kaunselor adalah pasal kerjaya, sebab lepas sekolah mesti fikir pasal *future*...kaunselor ada ujian yang boleh bantu kita pilih nak buat apa masa universiti nanti...isu kedua yang selesa saya bincangkan dengan kaunselor adalah dari segi pembelajaran...selalunya, cara guru mengajar...ada sekali tu saya dapat 'C' dalam satu mata pelajaran, terus pergi jumpa kaunselor...(TM-PK2).
3. ...saya bersedia untuk berbincang dengan kaunselor dari segi kerjaya, sebab nampaknya mereka ada pengalaman dan pengetahuan...saya juga selesa untuk berkongsi dengan kaunselor tentang akademik dan pasal sekolah...(KF-SMK3).
- d. ...saya lebih selesa bincang perkara-perkara profesional, hal-hal kerjaya ke, akademik, kemahiran belajar ke, hal-hal peribadi, keluarga tak berapa, lebih-lebih lagi kalau kaunselor lelaki, kalau kaunselor perempuan oklah...(TM-PK6).

Walaupun kecenderungan untuk membincangkan kedua-dua isu kerjaya dan akademik dilihat lebih ketara, namun isu-isu dalam domain sosial dan psiko-emosi turut diutarakan oleh responden kajian menerusi segelintir maklum balas seperti berikut:

1. ...saya berkongsi dengan kaunselor tentang masalah dengan kawan-kawan, bergaduh dengan kawan, susah nak kerjasama dengan rakan-rakan, perkara-perkara macam tu lah...(KF-MRSM4).
2. ...isu pertama yang saya bincang dengan kaunselor di sekolah adalah isu dengan kawan...biasalah, kadang-kadang ada terasa hati dengan kawan, terutama kawan rapat, jadi perlu cari bantuan pihak lain...(TM-PK2).
3. ...saya beritahu kaunselor pasal masalah kurang keyakinan diri dan rindu kat rumah...(KF-MRSM6).
- d. ...saya pernah diberi kaunseling sebab lemah dalam pelajaran...*stress* pasal belajar...kena kaunseling, menambahkan tekanan lagi...(TM-PK4).

Kesimpulannya, pola isu yang lazim dan selesa dikongsi pelajar pintar dan berbakat (dalam kajian ini) dengan kaunselor sekolah boleh dikategorikan dalam kelompok utama dan sekunder, seperti yang digambarkan dalam ilustrasi Rajah 1.



RAJAH 1. Pola isu lazim pelajar pintar dan berbakat yang dikongsi dengan kaunselor sekolah

PENGALAMAN PELAJAR PINTAR TERHADAP PELAKSANAAN PERKHIDMATAN KAUNSELING

Objektif kajian yang kedua dibina bagi meneroka pengalaman menyeluruh responden terhadap pelaksanaan perkhidmatan kaunseling di sekolah. Secara kolektif, maklum balas yang diperolehi daripada kedua-dua sumber temu bual memberikan variasi pengalaman responden yang pelbagai terhadap pelaksanaan perkhidmatan kaunseling serta kaunselor yang berurusan dengan mereka di sekolah. Secara lebih spesifik, pengalaman pelbagai itu boleh diperincikan dalam aspek-aspek berikut:

1. keterlibatan yang terbatas.
2. kritikan terhadap pelaksanaan perkhidmatan.
3. kecenderungan untuk tidak menjadikan kaunselor sebagai pilihan.
4. pengalaman berurusan dengan kaunselor yang bercampur (positif dan negatif).


Dalam aspek pengalaman keterlibatan yang terbatas dengan perkhidmatan bimbingan kaunseling di sekolah,

responden antaranya menyatakan “saya tak ada sebarang isu dan jarang terlibat dengan masalah di sekolah, jadi saya tak perlu jumpa kaunselor (TM-PK3),” “seingat saya sepanjang tiga tahun di menengah rendah, dua kali je saya jumpa kaunselor...satu pasal disiplin, satu lagi tak ingat pasal apa (KF-SBP3),” dan “saya tak terlibat sangat dengan kaunseling di sekolah...saya pun tak berapa minat dengan program-program yang dianjurkan unit bimbingan dan kaunseling di sekolah...adalah satu program tu, yang lepas PMR tu je yang *best* (KF-MRSM3).”

Di samping itu, komen-komen berbau kritikan terhadap pelaksanaan perkhidmatan dizahirkan menerusi petikan-petikan seperti “saya rasa majoriti program kaunseling terutama yang berbentuk ceramah atau *talk* membosankan, *boring*, kalau nak dengar-dengarlh, kalau nak tidur-tidurlah (KF-MRSM1),” “program kaunseling banyak benda yang sama, macam perkara-perkara rutin yang dah biasa, jati diri...jati diri, kepimpinan...kepimpinan, membosankan...lepas tu pelajar banyak buat hal sendiri masa program-program kaunseling, sebenarnya saya tak tau apa tujuan kaunseling kat sekolah sebenarnya

(KF-SBP8),” dan “pelaksanaan sesi kaunseling macam tak ada...kaunselor selalu uruskan kami kalau ada lawatan, persembahan, pertandingan...saya jumpa kaunselor pun pasal nak minta bantuan urusan biasiswa (KF-SBP7).”

Dalam konteks kecenderungan untuk berkongsi masalah dengan pihak lain, maklum balas-maklum balas responden seperti “saya tak suka luah masalah pada sesiapa, saya lebih suka pendam...tapi jika diminta untuk berkongsi, saya akan pilih kawan yang rapat (KF-SBP5),” “saya jarang sangat berkongsi masalah dengan orang lain...kalau ada pun dengan kawan-kawan jelah (KF-MRSM2),” dan “saya tak suka *share* masalah dengan sesiapa, saya cuba muhasabah diri dan selesaikan masalah tu sendiri, kalau tak boleh selesai...biarlah...kalau perlu bantuan juga cari kawan-kawanlah, yang rapat...*parent* kalau boleh tak nak susahkan mereka, kaunselor tak masuk dalam *list* (KF-SMK5)” menunjukkan bahawa responden tidak menjadikan kaunselor sekolah sebagai pilihan utama. Senario ini berkemungkinan didorong oleh faktor pengalaman mereka dengan kaunselor sekolah yang bercampur antara positif dan negatif seperti diperincikan Rajah 2.



RAJAH 2. Maklumbalas pengalaman pelajar pintar dan berbakat dengan kaunselor sekolah

#### PERSEPSI PELAJAR PINTAR TERHADAP PELAKSANAAN PERKHIDMATAN KAUNSELING

Objektif kajian yang ketiga dibina bagi meneroka persepsi menyeluruh responden terhadap pelaksanaan perkhidmatan kaunseling di sekolah. Maklum balas kualitatif yang diperoleh memaparkan indikasi kepelbagaian persepsi menyeluruh responden kajian, seakan-akan menyerupai kepelbagaian pengalaman menyeluruh perkhidmatan kaunseling yang pernah mereka lalui. Secara terperinci, kepelbagaian persepsi tersebut merangkumi aspek-aspek berikut:

1. Tanggapan bahawa pelaksanaan perkhidmatan kurang bermanfaat.
2. Pelaksanaan perkhidmatan perlu penambahbaikan.
3. Kritikan terhadap kaunselor.

4. Konsepsi tentang ciri-ciri ideal dan tidak ideal kaunselor.

Dalam aspek tanggapan bahawa pelaksanaan perkhidmatan kaunseling sekolah kurang bermanfaat dan perlu penambahbaikan, persepsi responden kajian terserlah menerusi maklum balas seperti “pandangan saya kaunseling itu untuk orang yang bermasalah disiplin, untuk pelajar bermasalah...tempat untuk meluahkan perasaan...kadang-kadang tak menyelesaikan masalah pun (KF-SBP2),” “serba salahlah nak pergi kaunseling...selalunya orang anggap pelajar yang ada masalah je pergi kaunseling...kaunseling di sekolah nampak tak berapa aktif sangat, kaunselor pulak pilih kasih (KF-SBP8),” “ramai orang kata *counseling should help you*, tapi saya masih merasakan kalau saya berjumpa kaunselor di sekolah saya tergolong dalam kelompok

pelajar yang bermasalah...so, saya tak pergi kaunseling, saya rasa saya tak perlu bantuan (TM-PK2),” “pelaksanaan program kaunseling harus dipelbagaikan...terasnya sama, tapi pengisiannya berbeza-beza untuk elak kebosanan dan menarik minat pelajar (KF-SBP4),” dan “pendekatan program yang *cliché* tak payahlah diulang-ulang, gunalah pendekatan atau idea yang berbeza (KF-MRSM5).”

Selain itu, persepsi responden kajian terhadap kaunselor juga terbina dalam keadaan bersifat kritikan yang dizahirkan melalui himpunan komen-komen seperti “saya fikir kaunselor sekolah adalah kerja yang paling mudah, saya nampak kaunselor uruskan majlis, saya fikir semua orang boleh jadi kaunselor di sekolah (KF-SMK7),” “saya rasa kaunselor di sekolah tak boleh selesaikan satu

pun masalah saya...takde langsung, saya rasa saya boleh selesaikan semua masalah saya sendiri (KF-SBP5),” “kalau saya ada masalah, saya lebih suka minta bantuan cikgu yang rapat dengan saya...kalau jumpa kaunselor, dia hanya sekadar boleh dengar je (KF-MRSM8),” dan “saya rasa kaunselor tidak benar-benar terlibat dengan sistem persekolahan, sebagai contoh, mereka menguruskan program *mentor-mentee*, tetapi mereka sendiri tidak berperanan sebagai mentor (TM-PK3).” Sehubungan itu, mereka turut membentuk persepsi yang cukup jelas tentang ciri-ciri yang dianggap ideal dan tidak ideal untuk dimiliki oleh seseorang kaunselor yang memberi perkhidmatan kepada populasi pelajar pintar dan berbakat, seperti tertera dalam Jadual 1.

JADUAL 1. Ciri-ciri kaunselor sekolah berdasarkan persepsi responden kajian

Ciri-Ciri Ideal	Ciri-Ciri Tidak Ideal
Mesra, <i>sporting</i> , dan memahami pelajar	Sinikal, <i>judgemental</i> dan cepat melabel
Berpengetahuan luas dan <i>up-to-date</i>	Tidak boleh menyimpan rahsia
Kemahiran komunikasi dan interaksi berkesan dengan pelajar	Bersikap pilih kasih dan membeza-bezakan pelajar
Memiliki <i>sense of humour</i>	Kurang keyakinan diri
Mengambil berat, merendah diri, berperwatakan sederhana	Terlalu serius dan tegas, garang, serta sering beremosi
Mudah didekati/dihubungi, tidak terhad pada waktu pejabat sahaja	Suka bertangguh ( <i>procrastinate</i> ), dan tidak peduli ( <i>ignorant</i> )

Secara keseluruhan, analisis mendalam terhadap transkripsi temu bual kumpulan fokus dan temu bual mendalam mendapati pola isu yang lazim dihadapi responden berhubung perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah boleh diklasifikasikan kepada kategori isu utama yang terdiri daripada domain kerjaya dan akademik, serta kategori sekunder yang terdiri daripada permasalahan-permasalahan sosial dan psiko-emosi. Perolehan dapatan ini adalah sejajar dengan rumusan pelbagai dapatan kajian terdahulu. Sebagai contoh, kajian VanTassel-Baska (1990, 2013) yang merumuskan bahawa bentuk perkhidmatan kaunseling yang wajar disediakan untuk populasi pelajar pintar dan berbakat merangkumi kaunseling kerjaya, bimbingan akademik, dan perkembangan psiko-sosial. Di samping itu, Yoo dan Moon (2006) turut menyarankan agar perkhidmatan kaunseling pintar dan berbakat memberi penekanan kepada komponen perancangan kerjaya dan pendidikan sebagai fokus utama, di mana dalam konteks tempatan ianya turut disokong oleh dapatan kajian Noriah dan Abu Yazid (2010b).

Dalam konteks persepsi serta pengalaman responden terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah yang berbaur dengan maklum balas positif dan negatif pula, ianya juga didapati selaras dengan dapatan pelbagai penyelidikan terdahulu. Sebagai contoh, kajian Noormala et al. (2005) mendapati kewujudan persepsi negatif dan positif terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat didorong oleh keperluan setiap individu yang unik dan berbeza-beza. Selain itu, kajian Noriah

dan Abu Yazid (2010a), Wood (2006), Dockery (2005), serta Strop dan Hultgren (1985) merumuskan bahawa kecenderungan pelajar pintar dan berbakat untuk berjumpa dengan kaunselor sekolah berada pada tahap yang rendah. Keterbatasan pengalaman ini berkemungkinan menyumbang kepada kewujudan persepsi negatif mereka terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah secara keseluruhan. Dalam erti kata lain, faktor pengalaman mempunyai peranan dalam membentuk persepsi pelajar pintar dan berbakat terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah, sama ada positif mahupun negatif.

#### KESIMPULAN

Kesimpulannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pola isu yang dihadapi oleh pelajar pintar dan berbakat dalam persekitaran pendidikan merangkumi empat domain utama iaitu: (1) kerjaya, (2) akademik, (3) sosial, dan (4) psiko-emosi. Secara umum, klasifikasi isu yang dinyatakan ini sejajar dengan pelbagai dapatan kajian pendidikan pintar dan berbakat yang telah dilakukan dalam konteks yang serupa (VanTassel-Baska 1990; Rimm 2003, Colangelo 2003; Bee 1999; Moon et al. 1997). Oleh kerana domain isu kerjaya dan akademik merupakan dua domain yang utama, maka keperluan perkhidmatan kaunseling untuk populasi pelajar ini harus dijuruskan kepada bentuk perkhidmatan kaunseling kerjaya dan bimbingan akademik. Selain daripada itu, sebarang bentuk program kaunseling yang ingin dibangunkan bertujuan memenuhi

keperluan unik populasi pelajar ini sewajarnya mengambil perhatian terhadap aspek-aspek pengalaman dan persepsi mereka yang pelbagai sepertimana yang telah diterokai penyelidik dalam kajian ini.

Di samping itu, penerokaan secara lebih mendalam terhadap bentuk perkhidmatan kaunseling kerjaya khusus untuk populasi pelajar ini, penerapan kemahiran bimbingan dan kaunseling bersesuaian dalam kalangan pemegang taruh pendidikan pintar dan berbakat seperti guru dan ibu bapa, serta pendidikan kaunselor untuk populasi pelajar unik ini wajar dilakukan pada masa hadapan. Dalam lain perkataan, penyelidikan ini telah merintis jalan kepada pembentukan hala tuju penyelidikan lanjutan yang berpotensi untuk dilakukan oleh pengkaji-pengkaji tempatan dalam bidang bimbingan dan kaunseling sekolah khusus untuk populasi pelajar ini yang memiliki keperluan sendiri khusus, unik, dan tersendiri.

#### RUJUKAN

- Asselin, S. & Mooney, M. 1996. *Diverse learners: Strategies for success*. Glen Allen, VA: Virginia Vocational Curriculum and Resource Center.
- Bee, H. 1999. *The growing child: An applied approach*. Ed. ke-2. New York, NY: Longman.
- Colangelo, N. 2003. Counseling gifted students. Dlm. Colangelo, N. & Davis G.A. (pnyt.). *Handbook of gifted education*. Ed. ke-3, 373-387. Boston, MA: Allyn & Bacon.
- Colangelo, N. 2002. *Counseling gifted and talented students*. Storrs, CT: The National Research Center on the Gifted and Talented.
- Creswell, J.W. 2005. *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. Ed. ke-2. Upper Saddle River, NJ: Pearson Merrill Prentice Hall.
- Dockery, D.A. 2005. Ways in which counseling programs at specialized high schools respond to social and emotional needs of gifted adolescents. Disertasi Ph.D. University of Virginia, Virginia.
- Jonassen, D.H. & Grabowski, B.L. 1993. *Handbook of individual differences, learning, and instruction*. Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates, Inc.
- Kerr, B.A. 1991. *A handbook for counseling the gifted and talented*. Alexandria, VA: American Association for Counseling and Development.
- Lambert, R.D. 1993. International education and international competence in the United States. *European Journal of Education* 28(3): 309-325.
- Lopez, O.S. 2007. Classroom diversification: A strategic view of educational productivity. *Review of Educational Research* 77(1): 28-80.
- Mahoney, A. 1997. In search of the gifted identity: From abstract concept to workable counseling constructs. *Roeper Review* 20(3): 222-226.
- Moon, S., Kelly, K. & Feldhusen, J. 1997. Specialized counseling services for gifted youth and their families: A needs assessment. *Gifted Child Quarterly* 41(1): 16-25.
- Morawska, A. & Sanders, M.R. 2009. Parenting gifted and talented children: Conceptual and empirical foundations. *Gifted Child Quarterly* 53: 163-173.
- Myers, R. S. & Pace, T. M. 1986. Counseling gifted and talented students: Historical perspectives and contemporary issues. *Journal of Counseling and Development* 64: 548-551.
- Noormala Ali, Mohamed Sharif Mustafa & Roslee Ahmad. 2005. Pendekatan temu bual sebagai metod kajian kes: Suatu persepsi di kalangan pelajar perempuan cemerlang terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. <http://www.eprints.utm.my/2212/1/91.DrMuhdSharif%Roslee.pdf> [11 Jun 2012].
- Noriah Mohd Ishak & Abu Yazid Abu Bakar. 2010a. Psychological issues and the need for counseling services among Malaysian gifted students. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 5: 665-673.
- Noriah Mohd Ishak & Abu Yazid Abu Bakar. 2010b. Counseling for gifted students: Implication for a differentiated approach. *The International Journal of Learning* 17(6): 377-391.
- Noriah Mohd Ishak, Melor Md Yunus & I Piet Iskandar. 2010. Trust, communication, and healthy parental attachment among Malaysian academically talented college students. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 9: 1529-1536.
- Noriah Mohd Ishak, Melor Md Yunus, Saemah Abdul Rahman & Zuria Mahmud. 2010. Effects of FLEP on self-motivation and aspiration to learn among low-achieving students: An experimental study across gender. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 7(C): 122-129.
- Noriah Mohd Ishak, Siti Fatimah Mohd Yassin, Mohd Izham Mohd Hamzah & Siti Rahayah Ariffin. 2010. Kajian Kes. Dlm. Noraini Idris (pnyt.). *Penyelidikan dalam pendidikan*, 345-371. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Peterson J. S. 2006. Addressing counseling needs of gifted students. *Professional School Counseling* 10: 43-51.
- Rimm, S. 2003. Underachievement: A national epidemic. Dlm. Colangelo, N. & Davis G.A. (pnyt.). *Handbook of Gifted Education*. Ed. ke-3, 424-443. Boston, MA: Allyn & Bacon.
- Ryan, J.J. 2001. Specialized counseling: The social-emotional needs of gifted adolescents. *Tempo Newsletter* 21(1): 6-7 & 17-18.
- Ryan, J.J. 1999. Behind the mask: Exploring the need for specialized counseling for gifted females. *Gifted Child Today* 22(5): 14-17.
- Sajjadi, S.H. 2000. Counseling gifted students: Past research, future directions. *Gifted Education International* 15: 111-121.
- Shore, B.M., Cornell, D.G., Robinson, A. & Ward, V.S. 1991. *Recommended Practices in gifted education: A critical analysis*. New York, NY: Teachers College Press.
- Smith, S.G., Ewing, R. & Le Cornu, R. 2007. *Teaching challenges and dilemmas*. South Melbourne, Australia: Thomson.
- Strop, J.M. & Hultgren, H.M. 1985. A profile of the characteristics, needs and counseling preferences of Talent Search Summer Institute participants. Kertas Kerja Mesyuarat Tahunan Kali Ke-69 American Educational Research Association. Chicago, Illinois, 31 Mac-4 April.
- VanTassel-Baska, J. 2013. The world of cross-cultural research: Insights for gifted education. *Journal for the Education of the Gifted* 36(1): 6-18.
- VanTassel-Baska, J. 2005. Gifted programs and services: What are the nonnegotiables. *Theory Into Practice* 44(2): 90-97.
- VanTassel-Baska, J. (pnyt.). 1990. *A practical guide to counseling the gifted in a school setting*. Reston, VA: The Council for Exceptional Children.

- Wiersma, W. 2000. *Research methods in education: An introduction*. Boston, MA: Allyn & Bacon.
- Wood, S. 2006. Gifted and talented adolescents' experiences in school counseling. Disertasi Ph.D. The College of William and Mary, Virginia.
- Yin, R.K. 2003. *Case study research: Design and methods*. Ed. ke-3. Thousand Oaks, CA: SAGE Publications, Inc.
- Yoo, J.E. & Moon, S.M. 2006. Counseling needs of gifted students: An analysis of intake forms at a university-based counseling center. *Gifted Child Quarterly* 50(1): 52-81.
- Zaffrann, R.T. & Colangelo, N. 1977. Counseling with gifted and talented students. *Gifted Child Quarterly* 21(3): 305-320.

Abu Yazid Abu Bakar\*  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi  
Selangor

\*Pengarang untuk surat-menyurat; email: yazid3338@ukm.edu.my

Diserahkan: 1 Mac 2015  
Diterima: 6 Julai 2015

